

WELFARE DEPARTMENT
NATIONAL KIDNEY FOUNDATION OF MALAYSIA

70, JALAN 14/29,
46100 PETALING JAYA

TEL: 03-7954 9048/49


FAX: 03-7954 3468

EMAIL: welfare@nkf.org.my

YAYASAN BUAH PINGGANG KEBANGSAAN MALAYSIA

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) merupakan sebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang tidak berasaskan kepada keuntungan. Penubuhan NKF pada tahun 1969 bermatlamat untuk membekalkan maklumat dan nasihat kepada orang ramai mengenai kesihatan buah pinggang. Pada tahun 1993, NKF telah menubuhkan pusat rawatan dialisis pertama di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Penubuhan pusat dialisis itu telah membuka babak sejarah NKF sebagai pertubuhan bukan kerajaan pertama di Malaysia yang menyediakan rawatan hemodialisis. Pada hari ini, NKF mempunyai 26 buah pusat dialisis di seluruh Malaysia yang memberi rawatan dialisis kepada seramai 1,550 orang pesakit buah pinggang. NKF kini merupakan pertubuhan bukan kerajaan terbesar yang memberi perkhidmatan rawatan hemodialisis di Malaysia.

Fokus NKF tidak hanya tertumpu kepada perkhidmatan dialisis tetapi juga memberi pendidikan awam bagi mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pengesanan awal dan pencegahan penyakit buah pinggang. Forum Pesakit kali ini yang merupakan forum ke12 yang dianjurkan oleh NKF bertujuan memberi manfaat kepada pesakit dialisis di seluruh negeri Selangor. Forum ini bertujuan untuk memastikan semua pesakit dialisis, keluarga/penjaga mereka dan orang awam mempunyai akses kepada maklumat penting yang akan membantu mereka untuk menikmati kualiti hidup yang lebih bermakna.



🌐: www.nkf.org.my ✉: welfare@nkf.org.my

FORUM PESAKIT KE 12 2016

“Meningkatkan Kualiti Kehidupan Anda”

“Improving the Quality of Your Life”

10 APRIL 2016 (AHAD)

**PREMIERE HOTEL
KLANG**

**Buah Pinggang Anda
Seusia Anda;
Jagalah Kesihatan
Buah Pinggang Anda**

Anjuran



FORUM PESAKIT KE 12

“Meningkatkan Kualiti Kehidupan Anda”

“Improving the Quality of Your Life”

Sebagai sebuah badan amal dan pusat sumber sehati bagi pencegahan dan rawatan penyakit buah pinggang, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pesakit buah pinggang, ahli keluarga/penjaga mereka serta orang ramai mengenai penyakit, penjagaan dan keselamatan buah pinggang melalui amalan gaya hidup sihat. Forum ke12 ini akan memberi fokus kepada perkara tersebut dan juga faedah serta perkhidmatan yang diberikan oleh agensi kerajaan seperti PERKESO dan Kerajaan Negeri Selangor, di samping kepentingan bersikap positif dalam menghadapi cabaran hidup.

Melalui Forum ini, para peserta akan memahami penyakit buah pinggang, kriteria permohonan subsidi dan bantuan kewangan serta cara meningkatkan kualiti kehidupan diri.

Pesakit dialisis, ahli keluarga, para penjaga dan kakitangan perubatan adalah digalakkan menyertai Forum ini bagi mendapatkan maklumat dan berkongsi pengalaman.

**Untuk keterangan lanjut
sila hubungi : 03-7954 9048
Ms. Hazuah/ Ms.Devi/ Ms. Prabha**

Tarikh Tutup : 2 April 2016

TENTATIF PROGRAM

MASA	TOPIK
07.00 - 08.15	Pendaftaran Peserta
08.15 - 08.30	Pengenalan Kepada NKF
08.30 - 09.15	Penyakit Buah Pinggang Kerap Berlaku, Bahaya tetapi boleh Dirawat <i>- Dr. Rafidah Bt Dato' Abdullah</i>
09.15	Ketibaan YAB Dato' Menteri Besar
09.30 - 10.15	Bacaan Doa & Perasmian Pembukaan
10.15 - 10.40	Minum Pagi
10.40 - 11.20	Peranan dan Bantuan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
11.20 - 12.00	Bantuan Sihat Selangor
12.00 - 12.40	Jom Makan Sihat ! <i>- Cik. Kher Pui Ling</i>
12.40 - 14.00	Makan Tengahari dan Solat
14.00 - 14.40	Angka-angka yang Pesakit Buah Pinggang Perlu Tahu <i>- Dr. Bee Boon Cheak</i>
14.40 - 15.20	Meningkatkan Kelangsungan Hidup Dalam Rawatan : <i>Apa Pesakit Dialisis Perlu Lakukan</i> <i>- Dr. Wong Hin Seng</i>
15.20 - 15.50	Jom Hidup Positif ! <i>- Mr. Raymond Jagan</i>
15.50 - 16.00	Penilaian Forum
16.00	Minum Petang & Bersurai

PENCERAMAH JEMPUTAN

- Pakar Nefrologi
- Pakar Pemakanan
- Pegawai PERKESO & Bantuan Sihat Selangor
- Pakar Motivasi

BORANG PENDAFTARAN

Nama:.....

Alamat

Tel No.....HP No.....

Bayaran Pendaftaran

***RM10.00** untuk pesakit buah pinggang
***RM10.00** untuk seorang ahli keluarga pesakit

****RM100.00** untuk kakitangan Pusat Dialisis, ahli keluarga tambahan & lain-lain

Bersama-sama ini disertakan cek/wangpos/postal order/bank draf/Pesanan Kerajaan No:..... sebanyak RM..... kepada “**National Kidney Foundation of Malaysia**” sebagai bayaran pendaftaran.

Pindahan wang boleh dibuat ke Akaun
Hong Leong Bank No: 00100731987

Hantar/fax slip bayaran bersama-sama borang pendaftaran ke:

Faks :03-7954 3468 (PJ)) Tel :03-7954 9048
U/P : Hazuah/Devi/Prabha

Sila Tandakan

- Pesakit*
- Ahli keluarga pesakit*
- Kakitangan Perubatan**
- Lain-lain**
- Nyatakan**.....
- Vegetarian

Info

- Forum diadakan dalam Bahasa Malaysia & Inggeris
- Pendaftaran adalah terhad, sila buat pendaftaran awal
 - Borang pendaftaran boleh didapati di laman Web NKF : www.nkf.org.my

